

'Tiada sebab naik GST lapan peratus'

➔ Dakwaan pembangkang dibidas, kerajaan jaga kebajikan rakyat

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Kangsar

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah memberi jaminan bahawa Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) tidak akan dinaikkan daripada enam peratus kepada lapan peratus seperti didakwa pembangkang.

"Tiada sebab nak naikan GST, sebaliknya kita akan menjaga kebajikan rakyat," katanya selepas majlis penyerahan Sijil Layak Men-

duduki Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan bekas Ketua Penerangan Wanita UMNO, Datuk Hamidah Osman bahawa kerajaan akan menaikkan GST kepada lapan peratus jika menang Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar, Sabtu ini.

Dalam satu majlis anjuran pembangkang di sini kelmarin, Hamidah mendakwa, jika Barisan Nasional (BN) menang ia akan dijadikan alasan untuk menaikkan GST kerana kemenangan itu bermakna rakyat menyokong kenaikan sistem cukai baharu itu.

Serah sijil layak menduduki

Pada majlis itu, Ahmad Husni turut menyerahkan 78 sijil layak menduduki RM1M kepada pemohon kediaman di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad itu.

Ahmad Husni menjelaskan, kerajaan tidak akan membebankan rakyat dengan menaikkan GST dan dakwaan itu bagi membangkitkan kemarahan rakyat supaya membenci kerajaan.

Fakta nombor

6 PERATUS
kadar GST

RM52 BILION
sasaran kutipan GST tahun ini

RM30 BILION
kutipan GST tahun lalu

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]



Ahmad Husni berbual dengan penerima sijil layak menduduki RMR1M di Kuala Kangsar, semalam.